



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**SESI LIBAT URUS INISIATIF BELANJAWAN 2025  
BERSAMA PEMEGANG TARUH DI KUALA LUMPUR  
DAN PUTRAJAYA**

**27 OGOS 2024**

**PICC, PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ  
الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ،  
وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
أَشْرَفٌ

المرسلين ،  
و على آله  
و صحبه أجمعين

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana

dengan limpah rahmat-Nya dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam Sesi Libat Urus Inisiatif Belanjawan 2025 Bersama Pemegang Taruh di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

2. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang hadir pada hari ini serta mencerminkan komitmen kita semua dalam memastikan Wilayah Persekutuan,

khususnya di Kuala Lumpur dan Putrajaya ini terus berkembang sebagai sebuah wilayah yang maju, sejahtera dan lestari.

## **PRESTASI            EKONOMI            SEMASA MALAYSIA**

Para hadirin sekalian,

3. Sepanjang tahun 2024 ini, Malaysia telah menunjukkan prestasi ekonomi yang kukuh dengan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang ketara iaitu 5.9 peratus pada suku kedua tahun ini jika dibandingkan hanya 2.8 peratus pada suku yang sama tahun lalu.
  
  4. Nilai Ringgit juga mencapai paras tertinggi dalam tempoh 16 bulan terkebelakang. Kadar pengangguran mencatat kadar terendah pasca COVID-19 iaitu pada kadar 3.3 peratus pada suku kedua tahun ini dan

pelbagai lagi indikator ekonomi yang turut membuktikan bahawa kita berada pada landasan yang betul dan semakin memulih.

5. Kesemua pencapaian ini adalah bukti kepada keupayaan Malaysia dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang semakin kompleks.
6. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai ibu kota negara, terus menjadi penyumbang utama kepada KDNK Malaysia. Aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di ibu kota ini telah memainkan peranan penting dalam

memacu pertumbuhan ekonomi nasional.

7. Manakala, Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan juga memainkan peranan penting dalam pembangunan perbandaran yang mampan dan pintar.

## **CABARAN 2025**

Para hadirin sekalian,

8. Meskipun kita telah mencapai pencapaian ekonomi yang

memberansangkan ini, cabaran bagi tahun 2025 tidak boleh dipandang ringan. Dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, kita perlu untuk lebih bersedia dalam menghadapi ketidaktentuan ini. Ada keperluan yang serius untuk kita memperkuatkan daya tahan ekonomi kita dan memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

9. Perlu ada *Islah Mastato'tum* dalam melaksanakan ikhtiar ini. Usaha untuk memperbaiki keadaan sebaik mungkin dan semampu kita.
10. Antara cabaran utama adalah untuk memastikan bahawa pembangunan

ekonomi yang pesat diseimbangi dengan keadilan sosial. Kita mesti memastikan bahawa semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada kemajuan ekonomi yang dicapai, tanpa ada yang terpinggir. *No one left behind.*

## **WILAYAH PERSEKUTUAN BERI FOKUS PEMBANGUNAN BANDAR CHASE**

Para hadirin sekalian,

11. Untuk menghadapi cabaran ini, Wilayah Persekutuan akan memberi

tumpuan kepada pembangunan bandar yang berdaya huni melalui Visi Bandar CHASE yang merangkumi *clean city, healthy city, advanced city, safe city* dan *eco-friendly city*. Inisiatif ini akan memacu pembangunan yang mampan serta akan menyokong pertumbuhan ekonomi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

12. Menerusi rangka Pelan Hala Tuju Wilayah Persekutuan, terdapat dua kluster yang akan menyumbang kepada pembentukan Bandar CHASE ini, iaitu kluster Sejahtera @ WP yang bertujuan untuk menstruktur semula Wilayah Persekutuan agar lebih inklusif dan berdaya saing selain dapat

memaksimumkan kecekapan pengurusan bandar dan Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang merupakan *signature program* di Wilayah Persekutuan bertujuan untuk menambah baik kualiti sosio ekonomi rakyat dengan pelbagai bantuan yang disediakan, selain menyediakan *exit strategy* kepada mereka untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

## **KOMITMEN DAN SUARA SEMUA AKAN DIAMBIL KIRA**

Para hadirin sekalian,

13. Saya ingin menegaskan bahawa, suara dan pandangan anda semua

adalah penting dan akan diambil kira dalam perancangan serta pelaksanaan semua inisiatif ini. Kerjasama daripada semua pihak, termasuk agensi kerajaan, swasta, NGO dan masyarakat setempat adalah kunci kepada kejayaan kita dalam mencapai visi ini.

14. Saya sentiasa percaya kepada *participatory approach* di mana semua pihak dalam komuniti harus diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka dan menyumbang bersama-sama kepada keputusan yang telah dibuat.

15. Sesi libat urus pada hari ini adalah antara platform penting untuk saya mendengar dan memahami keperluan serta cadangan daripada semua. Pandangan yang diberikan akan menjadi asas dalam merangka Belanjawan 2025 yang lebih inklusif dan menyeluruh. Saya minta agar pihak sekretariat untuk mencatat setiap satu cadangan yang dibangkitkan.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

16. Kita berada di dunia yang semakin mencabar, namun dengan kerjasama dan usaha yang berterusan, saya yakin

kita mampu untuk menjadikan Malaysia ini sebagai peneraju ekonomi Asia serta disegani oleh kawan dan digeruni oleh lawan.

17. Saya menyeru semua pihak untuk kita terus bersatu dan bekerja bersama-sama untuk memastikan kejayaan ini. Masa depan yang lebih baik untuk Malaysia amnya dan Wilayah Persekutuan khususnya berada dalam genggaman kita, dan dengan sokongan semua pihak, kita akan berjaya menghadapinya.

18. Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir pada hari ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.